

21 FEBRUARI 2018

Pemandu bas positif syabu diberkas dalam Op Selamat

16 NEGARA

KOSMO! RABU 21 FEBRUARI 2018

Pemandu bas positif syabu diberkas dalam Op Selamat

JOHOR BAHRU - Perbuatan dua pemandu bas memandu kenderaan mereka dalam keadaan mencurigakan membawa padah apabila salah seorang daripada mereka diberkas dalam Op Selamat 12 sempena sambutan Tahun Baru Cina 2018 di Terminal Bas Larkin di sini kelmarin.

Ujian air kencing terhadap pemandu berusia 30-an itu turut mendapati dia positif dadah jenis syabu.

Operasi bermula pukul 8.30 malam itu dijalankan di pintu masuk laluan bas di terminal berkenaan.

Ketua Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Johor, Superintendan Razak Md. Said berkata, dalam operasi yang disertai 14 anggota Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik serta empat pegawai Jabatan Siasatan Narkotik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor, sebanyak 25 bas diperiksa.

Katanya, ujian air kencing turut dilakukan terhadap 30 lelaki warga tempatan

yang bekerja sebagai pemandu bas berusia antara 30 dan 50 tahun.

"Hasil ujian air kencing mendapati seorang daripada mereka positif dadah jenis syabu.

"Suspek direman bermula semalam hingga 23 Februari dan kes disiasat mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1957 serta Seksyen 15(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952," katanya menerusi kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, selain menjalankan ujian air kencing, pihak polis turut memeriksa peralatan keselamatan bas seperti alat pemadam api dan lampu kecemasan bagi memastikan pemandu bas memandu mematuhi undang-undang dan keselamatan jalan raya.

"Sebanyak lapan saman turut dikeluarkan kepada pemandu bas selepas pemandunya didapati memandu tidak mengikut peraturan keselamatan jalan raya," ujarnya.



ANGGOTA polis memeriksa kesalahan saman lampau pemandu bas ekspres dalam Op Selamat 12 sempena sambutan Tahun Baru Cina 2018 di Terminal Bas Larkin, Johor Bahru kelmarin.